

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan dan pelan Kementerian untuk mengendali kenaikan kes dan juga kematian (*mortality*) disebabkan penyakit bukan COVID-19, terutamanya mereka yang terlepas rawatan atau “*check up*” disebabkan COVID-19. Berapakah jangkaan pertambahan kadar kematian disebabkan kes bukan COVID-19 dan apakah pelan Kementerian terhadap isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Walaupun negara dilanda pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menyediakan perkhidmatan pesakit bukan COVID-19 di 139 buah hospital di seluruh negara. Daripada pemantauan, didapati tiada peningkatan dalam kematian pesakit bukan COVID-19 sepanjang tempoh ini.

2. Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan dan melaksanakan inisiatif-inisiatif norma bahru susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) seperti berikut:

SOALAN NO : 22

- 2.1 **Pengurangan katil COVID-19** di Hospital COVID-19 **kepada katil bukan COVID-19** secara berperingkat untuk merawat penyakit bukan COVID-19, selaras dengan jumlah pengurangan kes positif COVID-19;
- 2.2 **Pemanjangan waktu operasi klinik pakar/ dewan bedah** selepas waktu pejabat termasuk pada hari Sabtu bagi hospital-hospital tertentu;
- 2.3 **Mengoptimalkan penggunaan hospital-hospital bukan pakar** untuk menjalankan prosedur atau pembedahan tertentu melalui konsep Hospital Kluster;
- 2.4 **Penyumberluaran perkhidmatan** tertentu kepada hospital swasta untuk mengurangkan waktu menunggu prosedur atau pembedahan; dan
- 2.5 **Perkhidmatan secara maya**, termasuk '*virtual clinic*' telah dimulakan dan akan diperluaskan dibeberapa hospital serta klinik kesihatan.

Sekian, terima kasih.